

## WAWANCARA BERSAMA RTM1 SELAMAT PAGI MALAYSIA PADA 24 MEI 2011 (SELASA)

**TAJUK:** PERKEMBANGAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DI MALAYSIA

**TETAMU:** EN JAAFAR LASSA

**JAWATAN:** TIMBALAN PENGARAH  
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

<b>SOALAN 1.</b>	<b>Apakah relevannya Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&amp;K) di Malaysia?</b>
<b>JAWAPAN</b>	Perubatan Tradisional dan Komplementari telah berkembang dengan pesat sama ada di peringkat global mahu pun di negara kita. Banci yang dibuat pada tahun 2005 menunjukkan 69% rakyat Malaysia pernah menggunakan PT&K untuk penjagaan kesihatan dan juga rawatan. Perubatan Tradisional adalah berkait rapat dengan budaya dan adat resam sesuatu kaum. Oleh itu terdapat perubatan tradisional Melayu, Cina dan India disamping itu, perubatan homeopati, komplementari dan pengubatan Islam juga diamalkan di Malaysia. Dalam tahun 2001 Kementerian telah melancarkan dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan yang mempunyai visi untuk menyatukan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup. Dasar ini adalah selari dengan strategi Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). KKM telah menubuhkan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari pada bulan Disember 2004. Tujuan utama adalah untuk memastikan bahawa amalan perubatan tradisional dan komplementari yang ditawarkan oleh pengamal-pengamal adalah selamat serta membangunkan sistem pendidikan yang formal untuk pengamal-pengamal.
<b>SOALAN 2.</b>	<b>Apakah yang dimaksudkan dengan Perubatan Tradisional dan Komplementari?</b>
<b>JAWAPAN</b>	Perubatan Tradisional dan Komplementari bermaksud amalan yang berkenaan kesihatan yang bertujuan untuk mencegah, merawat dan/atau mengurus penyakit dan/atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu-individu dan

	termasuk amalan-amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, homeopati, pengubatan Islam dan terapi-terapi komplementari, kecuali pengamalan perubatan dan pergigian yang diamalkan oleh pengamal-pengamal perubatan dan pergigian berdaftar.
<b>SOALAN 3.</b>	<b>Berapa ramaikah pengamal perubatan yang dikenal pasti berdaftar dengan KKM?</b>
<b>JAWAPAN</b>	<p>Pada masa ini, pengamal-pengamal digalakkan berdaftar dengan badan pengamal masing-masing. Terdapat 8 badan pengamal yang telah diperakukan oleh KKM untuk menjalankan aktiviti tersebut. Badan-badan pengamal tersebut adalah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERMA);</li> <li>• Federation of Chinese Physicians and Medicine-Dealers Associations of Malaysia (FCPMDAM);</li> <li>• Federation of Chinese Physicians &amp; Acupuncturists Association of Malaysia (FCPAAM);</li> <li>• Chinese Physician's Association of Malaysia (MCPA);</li> <li>• Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM);</li> <li>• Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia (MPHM); dan</li> <li>• Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia (FCNMAM)</li> </ul> <p>Masih terdapat pengamal-pengamal yang tidak berdaftar dengan badan pengamal masing-masing. Ini menyukarkan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan mereka. KKM juga telah membangunkan satu sistem yang dipanggil e-Pengamal dimana pengamal boleh berdaftar secara atas talian. Buat masa ini pendaftaran melalui e-pengamal adalah secara sukarela. Apa bila Undang-undang yang berkaitan dengan Perubatan Tradisional dan Komplementari dikuatkuasakan semua pengamal perlu berdaftar dengan KKM dan mempunyai sijil amalan sebelum mereka dibolehkan memberi perkhidmatan kepada orang ramai.</p>
<b>SOALAN 4.</b>	<b>Bagaimanakah KKM memantau pengamal perubatan tradisional tempatan dan luar negara khususnya yang bertapak di negara ini?</b>

<b>JAWAPAN</b>	<p>KKM telah menyediakan Kod amalan pengamal dan telah diedarkan kepada badan-badan pengamal untuk disebarkan kepada semua ahli mereka. Pengamal-pengamal perlu mematuhi kod etika ini. Disamping itu pengamal-pengamal juga perlu mematuhi akta sedia ada seperti Akta Perubatan 1971, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Ubat (Pengiklanan dan Jualan) 1956 dll.</p> <p>Untuk pengamal asing, syarikat tempatan perlu memohon melalui badan-badan pengamal yang berkaitan dan mengemukakan permohonan ke Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari untuk mendapatkan surat sokongan sebelum mengemukakan surat sokongan ke Jabatan Imigresen untuk mendapatkan permit kerja yang sah.</p>
<b>SOALAN 5.</b>	<b>Bagaimanakah pelanggan memastikan seorang pengamal perubatan tradisional itu mempunyai kelayakan dan kelulusan?</b>
<b>JAWAPAN</b>	<p>Urusan pendaftaran pengamal dilaksanakan oleh badan pengamal masing-masing. Setiap badan pengamal mengeluarkan sijil keahlian dan perakuan untuk membuktikan seseorang pengamal itu berdaftar dengan mereka. Orang ramai juga boleh membuat pertanyaan ke BPTK untuk mendapatkan pengesahan lanjut. Untuk pengamal asing, BPTK berhubung terus dengan pihak berkuasa negara pengamal berkenaan untuk mendapatkan pengesahan tentang kelayakan pengamal.</p>
<b>SOALAN 6.</b>	<b>Perkembangan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia?</b>
<b>JAWAPAN</b>	<p>Langkah pertama yang dijalankan adalah untuk memastikan kelayakan pengamal serta sistem pembelajaran. Untuk itu, KKM telah bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia, institut pengajian tinggi serta badan-badan pengamal membangunkan Standard dan Kriteria dalam bidang PT&amp;K. Sebanyak 13 standard dan kriteria telah dibangunkan. Susulan daripada itu beberapa IPT telah menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan PT&amp;K seperti Sarjana Muda Perubatan Tradisional Cina, Kiropraktik, Homeopati dan juga diploma dalam bidang <i>naturatherapy</i> dan perubatan tradisional Cina.</p> <p>Sesuai dengan Dasar PT&amp;K Kebangsaan, KKM mula menawarkan PT&amp;K di hospital kerajaan. Sehingga kini terdapat 9 buah hospital yang menyediakan perkhidmatan</p>

	<p>PT&amp;K. Hospital tersebut adalah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang;</li> <li>• Hospital Sultan Ismail, Johor Baru;</li> <li>• Hospital Putrajaya;</li> <li>• Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu;</li> <li>• Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah</li> <li>• Hospital Umum Sarawak;</li> <li>• Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah;</li> <li>• Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan; dan</li> <li>• Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Cameron Highland, Pahang.</li> </ul> <p>Perkhidmatan yang ditawarkan adalah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Urutan tradisional;</li> <li>• Rawatan Selepas Bersalin;</li> <li>• Akupunktur; dan</li> <li>• Herba bagi rawatan samping untuk pesakit kanser.</li> </ul> <p>Semua perkhidmatan yang ditawarkan adalah berkonsepkan integrasi di mana pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di Unit PT&amp;K dirujuk oleh Pegawai atau Pakar Perubatan.</p> <p>Perkhidmatan yang disediakan mendapat sambutan data menunjukkan 4,626 telah menerima rawatanurut tradisional, 3,175 untuk akupunktur, 423 untuk onkologi herba dan 753 telah menerima rawatan selepas bersalin.</p> <p>Bilangan unit PT&amp;K akan ditambah untuk memberi peluang kepada orang rawai bagi meningkatkan tahap kesihatan mereka.</p>
<p><b>SOALAN 7.</b></p>	<p><b>Sekiranya pesakit diberikan pilihan untuk memilih perubatan tradisioal dan komplementari ini di hospital apakah kemungkinan masyarakat tidak lagi ke hospital kerajaan atau swasta untuk mendapatkan rawatan kerana bayaran yang tinggi berbanding kemampuan pengamal perubatan tradisional yang lebih murah dan diiktiraf oleh KKM?</b></p>

<b>JAWAPAN</b>	Kementerian Kesihatan mengamalkan perkhidmatan perubatan bersekutu atau integrated iaitu perubatan moden dilengkapi dengan perubatan tradisional dan komplementari bagi memastikan pengguna mendapat perubatan yang paling baik bagi meningkatkan tahap kesihatan. Untuk mengatakan kos rawatan PT&K adalah murah adalah tidak tepat. Terdapat kes di mana caj yang dikenakan adalah tidak munasabah sama sekali. Orang awam dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat dan pemeriksaan kesihatan dari Pegawai Perubatan sebelum mendapatkan rawatan sampingan dari pengamal-pengamal PT&K.
<b>SOALAN 8.</b>	<b>Apakah ciri-ciri yang harus ada bagi seseorang untuk mendapatkan kelulusan bagi mengamalkan pengubatan Islam atau tradisional?</b>
<b>JAWAPAN</b>	<p>Bagi membantu KKM mengawal selia pengamal PT&amp;K, KKM telah melantik pertubuhan atau persatuan bagi mewakili setiap bidang amalan. Pada masa ini, KKM sedang berkerjasama dengan beberapa pertubuhan pengubatan Islam untuk membentuk satu badan gabungan. Pengamal-pengamal pengubatan Islam dinasihatkan supaya menyertai mana-mana persatuan yang bergabung dengan badan ini.</p> <p>KKM sedang mengubal satu rang undang-undang yang dipanggil Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari. Apabila RRU ini dikuatkuasakan kelak semua pengamal PT&amp;K perlu berdaftar dengan KKM dan mempunyai sijil perakuan amalan sebelum mereka dibenarkan untuk mengamal.</p> <p>Untuk memastikan pengamal adalah berkelayakan KKM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan pengamal telah membangunkan standard dan kriteria untuk peringkat diploma dalam bidang pengubatan Islam. Standard dan kriteria merupakan satu garis panduan bagi Institut Pengajian Tinggi membangunkan kurikulum bidang pengajian pengubatan Islam.</p>
<b>SOALAN 9.</b>	<b>Apakah garis panduan yang harus diikuti?</b>
<b>JAWAPAN</b>	KKM dengan kerjasama beberapa petubuhan pengubatan Islam sedang membangunkan satu garis panduan bagi amalan pengubatan Islam. Garis panduan ini akan diedarkan kepada semua <i>stakeholder</i> untuk ulasan. Selepas garis panduan

	ini diperakukan, ia boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.
--	--